



FATHIN bersama pingat emasnya.

Fathin bantu UMS lepassi sasaran dua emas

GLOH DE 10.2.2018 8

KOTA KINABALU: Fathin Faqinah Yusuf membantu Universiti Malaysia Sabah (UMS) untuk melepasi sasaran dua emas mereka dalam temasya Sukan Institusi Pendidikan Tinggi Malaysia (SUKIPT) di UKM, pada Jumaat.

Wanita yang berasal dari Tawau itu tidak membiarkan dirinya terus kecewa dengan dirinya yang tamat di tangga keempat dalam final 400m pada hari sebelumnya, di mana dia dijangka untuk yang pertama melepasi garisan penamat dalam 200m dan memberikan kontinjen mereka emas ketiga kejohanan.

Kemenangan itu menjadi lebih manis buat Fathis selepas dia berjaya menewaskan pelari dari Thailand, Montita Sombotchai dari Suratthani Rajabhat University dan meletakkan Tanalaksiumy Mahenthiran Rayer dari Help University di tempat ketiga.

Pasukan UMS yang dianggotai 18 individu menamatkan kempen mereka dengan tiga emas yang mana disumbangkan Cristina Ideris dalam karate kumite +68kg wanita dan beregu campuran taekwondo poomsae; Armay Radi dan Nur Ifa Husnah Saiful sementara perak disumbangkan Cristina dalam silat, pasukan poomsae lelaki (Song Lubiou, Dominic Sew Khai Yuan, Bernicael Bernard Anak Megol) dan pasukan poomsae wanita (Helena A'An Lisu, Cheong Pui Yen) dan satu lagi daripada acara individu lelaki (Ahmady Radi). Gangsa tunggal itu pula disumbangkan acara individu wanita (Cheong Pui Yien).